

# Ghafar nyatakan pendirian bekerjasama dengan PM

KELANG 9 Julai --- Encik Ghafar Baba hari ini menyatakan pendirian akan terus bekerjasama dengan Perdana Menteri, selagi Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berdiri teguh dengan konsep pentadbirannya yang sedia ada.

Serentak dengan itu, beliau juga menyatakan hasratnya sebagai Timbalan Perdana Menteri akan bekerja keras sehingga akhir hayat untuk mencapai dua matlamat utama.

Hasrat - hasrat tersebut ialah:

- Menyatu-padukan masyarakat Melayu dan bukan Melayu untuk menjadikan bangsa Malaysia yang kuat.

- Memberi keselesaan kepada masyarakat negara melalui kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat, supaya dapat mengubah nasib bangsa.

Menurut beliau, Perdana Menteri adalah seorang yang gigih, cekap dan kuat untuk memperkukuhkan bangsa Malaysia.

"Dan perkara - perkara inilah yang menarik minat saya untuk bersetuju menjadi Timbalan Perdana Menteri," katanya ketika berucap kepada ahli - ahli parti komponen Barisan Nasional dalam satu perjumpaan anjuran UMNO bahagian Kapar di sini malam ini.

Katanya lagi, "kalaulah Perdana Menteri mempunyai lampu ajaib, dia akan menjadikan semua orang di negara ini kaya dan senang."

kan masa depan yang selesa dan terjamin.

"Kita sudah memegang rekod dunia kerana tidak pernah kalah dalam pilihanraya sejak negara merdeka dan kejayaan kita ini perlu dikekalkan untuk masa depan yang selesa," katanya.

Dalam ucapannya itu, Encik Ghafar juga menyeru parti - parti komponen Barisan Nasional, khususnya UMNO berusaha menentang keras kesesatan yang dibawa oleh PAS demi menjamin negara ini terus berada dalam keadaan aman dan damai.

Katanya, PAS telah sekali lagi menggunakan isu agama sebagai modal pilihanraya dengan mengatakan bahawa jika mengundi lambang bulan sebanyak tujuh kali berturut - turut akan mendapat ganjaran menyamai pahala mengerjakan haji.

"Kesan daripada kesesatan yang dibawa oleh PAS ini, ramai yang berpendapat bahawa dengan mengundi PAS bermakna membawa bekal ke akhirat," katanya.

Beliau mengulangi pesanan kerajaan supaya rakyat terus memilih Barisan Nasional untuk menentu-